

Tanya Cikgu Naim



SOALAN

Apakah perbezaan kata sendi dengan kata hubung?

Oleh: Siti Nur Atiqah Binte Yazid, P3-8, Sekolah Rendah Junyuan



JAWAPAN

Kata sendi (dari, daripada, oleh, ke, di, dan sebagainya) ialah kekata yang digunakan untuk menghubungkan ayat dengan satu unsur yang biasanya Frasa Nama. Contoh:

- Dia datang **dari** Geylang Serai.
- Almari itu diperbuat **daripada** kayu jati.
- Ayah sedang bersolat **di** biliknya.

Kata Hubung (kerana, lalu, sambil, supaya, kalau dan sebagainya) ialah kekata yang digunakan untuk menghubungkan ayat dengan ayat yang lain. Contoh:

- Adik menangis **kerana** ayah memarahinya.
- Dia belajar bersungguh-sungguh **supaya** lulus peperiksaan.
- Dia mengambil lada itu **lalu** menghirisnya.